

27 JUL 2002

MCA-Ling/I

LING SELAR PAS KERANA MENGAMALKAN POLITIK KOTOR

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- MCA hari ini menyelar PAS kerana mengamalkan politik ganas dan cuba membahagikan rakyat Malaysia berdasarkan kaum dan agama mereka.

Presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata MCA, parti kedua terbesar dalam Barisan Nasional, menerusi sebuah panel peguam, sedang mengawasi tindakan parti pembangkang itu dan ucapan berapi-api para pemimpinnya.

"Mereka hanya memperkudakan rakyat dengan menggunakan kaum dan agama dan kita tidak patut membenarkan perkara ini terus berlaku, tindakan mesti diambil," katanya dalam ucapan penggulungan beliau pada perhimpunan agung tahunan MCA ke-49 di sini.

Beliau berkata sebaik sahaja pelan damai atau formula parti itu diselesaikan, ia akan berusaha menjatuhkan PAS, yang kini menguasai Kelantan dan Terengganu.

"Sepertimana yang kita tahu, anggota PAS terlibat dalam Kumpulan Militan Malaysia dan pergerakan Al-Ma'unah. Mereka memang cenderung untuk bertindak ganas yang amat tidak baik bagi negara ini," katanya.

Dr Ling yakin masyarakat Cina Malaysia akan menolak PAS dan ideologinya kerana parti pembangkang itu menggunakan keganasan dan hanya berminat menanamkan benih kebencian dalam hati rakyat terhadap para pemimpin BN.

"Lagipun, PAS tidak mempunyai strategi ekonomi. Satu-satunya perkara yang mereka tahu ialah membuatkan orang saling membenci, Parti itu tidak mempunyai hala tuju ekonomi, pelan atau strategi. Mereka hanya tahu untuk menjadi ekstremis dalam mengejar kuasa," katanya.

Mengenai AGM, beliau berkata ia berjalan lancar dan, antara lain, para perwakilan telah menerima pelan damai parti, yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan diperbaiki oleh jawatankuasa pusat MCA.

"Saya akan bekerja keras bagi memastikan pelan damai itu berjaya," katanya.

Beliau berkata para perwakilan turut menyentuh mengenai disiplin parti yang semakin merosot, yang menurutnya boleh diatasi.

"Saya akan kaji semua pandangan berkenaan dan mencari jalan untuk menanamkan disiplin di kalangan anggota parti," katanya.

Mengenai pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah, beliau berkata parti itu akan menjalankan kajian mendalam berhubung perkara itu.

"Kita menyokong langkah kerajaan untuk memperkenalkannya (bahasa Inggeris) tetapi kita merasakan yang kita perlu menjalankan kajian mendalam mengenai perkara itu," katanya.

-- BERNAMA

SR AT RHM